



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**"KPWKM MEMANDANG SERIUS ISU KANAK-KANAK"**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius mengenai isu yang melibatkan kumpulan sasar Jabatan terutamanya isu berkaitan kanak-kanak. Laporan akhbar berkaitan kes kematian kanak-kanak yang disimpan dalam tong ikan dan kes pelatih Asrama Akhlak (Lelaki) Pokok Sena, yang meninggal dunia ketika berada dalam institusi merupakan kes yang perlu diberi perhatian yang teliti dan tindakan segera.

Merujuk kepada kes kematian kanak-kanak 2 tahun yang disimpan dalam tong ikan, kes ini masih lagi dalam siasatan polis. Saya telah mngarahkan pegawai pelindung dari JKM untuk melawat waris mangsa dan pelindung telah bertemu dengan kakak mangsa yang berusia 4 tahun di Hospital Sultan Abdul Halim Sungai Petani. Perbincangan dengan pihak hospital telah dilakukan bagi memastikan kondisi kanak-kanak ini berada dalam keadaan baik.

JKM telah berjaya mengesan nenek mangsa yang menjadi penjaga kepada kanak-kanak sebelum kejadian berlaku. Hasil semakan melalui Sistem eBantuan JKM mendapati bahawa keluarga ini merupakan penerima bantuan JKM sebanyak RM400 yang disalurkan atas nama nenek kanak-kanak sebagai penjaga. Perbincangan lanjut akan diadakan bersama nenek kanak-kanak mengenai hal penjagaan kanak-kanak sama ada ingin terus dijaga olehnya ataupun penempatan lain yang sesuai. Selain itu, JKM akan turut memberi bantuan sokongan yang lain kepada keluarga ini.

Saya menyeru kepada ibu bapa dan penjaga kepada kanak-kanak untuk meletakkan keselamatan dan kebajikan kank-kanak sebagai perkara utama. Masyarakat juga perlu peka dengan segala perkara yang mendatangkan kemasukan berlaku disekeliling perlu segera dilaporkan kepada Talian Kasih 15999 atau pihak berkuasa berdekatan bagi mengelakkan kejadian lebih buruk berlaku.

JKM amat menitikberat segala hal berkaitan kanak-kanak yang ditempatkan di institusi JKM termasuklah aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan diri dan tempat tinggal mereka seperti yang termaktub dalam Standard Prosedur Operasi (SOP). Oleh hal yang demikian, rondaan dan tinjauan seringkali dilakukan oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Keselamatan secara giliran berselang seli bagi memastikan keselamatan mereka terjamin.

Ekoran daripada peristiwa tersebut, beberapa tindakan telah dilaksanakan iaitu dengan mengasingkan penghuni tahanan sementara dengan penghuni perintah tetap, penghuni yang ada bersama di tempat kejadian dirujuk kepada Unit Kaunseling bagi mengelakkan berlakunya trauma di kalangan mereka dan Pembantu Kebajikan Masyarakat serta Pegawai Keselamatan yang bertugas akan meningkatkan lagi kekerapan rondaan di blok penghuni. Dalam hal ini, JKM juga akan turut memberi kerjasama kepada pihak polis.

**DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**25 NOVEMBER 2016**